



BUKU ... Masidi melancarkan buku 'Tinimungan Tangon Kadazandusun'.

# Usaha UMS dan UPSI terbit buku etnik Sabah perlu diteruskan: Masidi

NST 9.10.2016 4

KOTA KINABALU: Usaha Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerbitkan buku-buku etnik Sabah wajar diperluas dan diteruskan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun berkata, usaha kedua-dua institut pengajian tinggi bekerjasama menerbitkan buku Kadazandusun 'Tinimungan Tangon Kadazandusun' dan 'Jejak

Warisan Borneo' amat diharapkan.

"Ini penting dalam usaha kita mendokumentasikan sejarah, budaya dan sosial masyarakat berbilang kaum dan etnik di negeri ini," katanya ketika berucap melancarkan Pesta Buku Borneo 2016, "Buku Mendidik Minda Memandaikan Bangsa", di South Atrium Exhibition Hall, 1Borneo, di sini, kelmarin.

Pameran dan jualan pelbagai jenis buku itu akan di-

adakan sehingga 10 Oktober ini bermula jam 10 pagi hingga 9 malam.

Masidi berkata dalam usaha mencapai status negara maju tahun 2020, negara memerlukan rakyat yang berilmu tinggi dan berpendidikan dalam pelbagai bidang.

"Untuk mencapai hasrat ke arah rakyat yang berilmu tinggi, budaya membaca dan cintakan buku adalah teras utama selaras objektif Dasar Buku Negara," katanya.

Beliau berkata penganjuran pesta buku seumpama ini merupakan penyumbang utama ke arah mencapai objektif Dasar Buku Negara.

"Di sinilah peranan industri penerbitan buku menyediakan buku-buku berkualiti tinggi kepada pembaca atau pengguna," katanya dan berharap pesta buku ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sementara itu, dalam teks ucapan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata Pesta Buku Borneo tahun ini menyediakan sebanyak 68 booth pameran dengan 49 pempamer.

"Kebanyakan pempamer adalah pempamer dalam negara di samping pempamer dari negara Brunei Darussalam, Singapura dan satu wakil penerbit dari Australia.

"Pesta Buku Borneo bukan sahaja mempamerkan pelbagai judul dan genre buku, tetapi juga memberikan peluang dan tempat kepada usahawan kecil tempatan untuk membuka lot atau ruang niaga dengan produk masing-masing," katanya.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Shahril Yusof.

Pada majlis itu dua buku 'Tinimungan Tangon Kadazandusun' diterbitkan bersama UPSI dan UMS serta 'Jejak Warisan Borneo: Catatan Perjalanan Siri 1' terbitan UMS turut dilancarkan.

Buku 'Tinimungan Tangon Kadazandusun' ditulis oleh Minah Sintian dan Rosliah Kiting, kedua-duanya pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI. Buku ini merupakan hasil suling MoU Penerbitan UMS dan Penerbit UPSI yang ditandatangani awal tahun ini.

Mohd Harun berkata Kedua-dua buku itu adalah dokumentasi kekayaan budaya masyarakat pelbagai etnik di Sabah.

"Bermula dengan penerbitan dan seterusnya pelancaran buku ini, di Pesta Buku Borneo, ia amat bertepatan sekali. Diharap buku-buku seperti ini lebih banyak diterbitkan, bukan sahaja dalam genre ilmiah tetapi juga untuk bacaan umum," katanya.

**- OLEH MARRYAN RAZAN**